

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 3 APRIL 2021

1	Penanaman ketum ayam tidak dilarang
2	JPV, Dutch Lady jalin kerjasama
3	No SE detected at Linggi farm
4	Dutch Lady komited bantu perkukuh industry tenusu
5	Komited tingkat industri tenusu
6	Tingkat bekalan susu segar tempatan

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Penanaman ketum ayam tidak dilarang

BAGAN SERAI: Pokok ketum ayam atau nama saintifiknya *madre de aqua* tidak terse- narai dalam kategori tumbu- han yang diharamkan atau dilarang penggunaan dan penanamannya.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalatrash Wahid berkata, pokok itu adalah tumbuhan yang berbeza dari- pada tumbuhan ketum dari- pada keluarga *mitragyna*.

"Masyarakat kita menggelar pokok *madre de aqua* sebagai ketum ayam kerana daunnya hampir me- nyerupai pokok *mitragyna*, namun daripada struktur daun, daun ketum ayam ber- bulu dan garis daunnya tidak berwarna merah.

"Kedua-dua tumbuhan itu dari spesies keluarga tumbu- han yang berbeza dan peng- gunaannya juga ada perbe- zaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas perhimpun- nan bulanan di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kerian di sini semalam.

Menurutnya, ketum sp- esies *mitragyna* adalah se- jenis tumbuhan yang boleh menyebabkan ketagihan dan dilarang penggunaannya.

Katanya, sebarang bentuk penanaman pokok jenis *mi- tragyna* adalah dilarang sama sekali dan tidak dibenarkan atas apa alasan sekali pun.

"Memetik daun ketum un- tuk sebarang kegunaan juga menjadi satu kesalahan apa- tah lagi jika menyimpan dan mengedarkannya.

"Ketum ayam tidak terse- narai dalam kategori dilarang penggunaannya dan penana- mannya buat masa sekarang kerana ia digunakan untuk makanan protein bagi bina- tang ternakan," katanya.

Kelmarin seorang Exco kerajaan negeri mahu meng- galakkan penduduk mena- nam ketum ayam yang daun- nya terbukti sesuai sebagai makanan ternakan sekali gus dapat mengurangkan kos makanan untuk ternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin berkata, ketum ayam mengandungi protein tinggi yang sesuai un- tuk makanan ternakan.

Memajukan industri tenusu negara, capai bekalan susu lestasi

JPV, Dutch Lady jalin kerjasama

Oleh SHAFIQAH SHUKOR

shafiqah.shukor@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memeterai memorandum kerjasama (MoC) bersama Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMi) dalam usaha memajukan industri tenusu negara.

Kerjasama itu juga bertujuan membantu negara mencapai bekalan susu yang lestari pada masa hadapan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khande berkata, industri tenusu negara mempunyai potensi terbaik untuk dimajukan.

Beliau berkata, peningkatan pengeluaran susu segar daripada 27 juta liter pada 2010 kepada hampir 42 juta liter tahun lalu di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK-11, menjadi landasan kukuh untuk kerajaan terus meningkatkan pengeluaran susu segar dalam RMK-12.

"Saya harap kerjasama seperti ini dapat memacu pelaksanaan program yang sudah dirancang



DR. NORLUZAN MOHD. NOOR (dua, kanan) dan **Tang Gupta** bertukar dokumen kerjasama sambil disaksikan oleh **DR. RONALD KHANDÉE** (tengah) dan **Eva Oskam** (dua, kiri) di Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

kerajaan dan pihak swasta untuk kelestarian industri tenusu negara," katanya MoC berkenaan di sini, semalam.

Pada majlis itu, JPV diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr. Norluzan Mohd. Noor, manakala DLMi diwakili Pengarah Ur-

sarnya, Tarang Gupta. Turut hadir Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Belanda ke Malaysia, Eva Oskam.

Menurut JPV, industri tenakan merupakan antara industri penting dalam agromakanan negara dengan nilai sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) bernilai RM15 bilion dan sebanyak RM68 juta daripadanya adalah daripada industri tenusu.

Ronald berkata, perkembangan positif industri tenusu juga dapat dilihat melalui pelaksanaan program minuman susu 100 peratus susu segar tempatan,

yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah terpilih melalui Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bermula Jun 2019.

Sementara itu, Gupta berkata, kerjasama itu merupakan langkah ke hadapan untuk Malaysia mencapai 100 peratus SSL dalam pengeluaran susu segar tempatan menjelang 2025.

Pada masa ini, tahap sara diri (SSL) susu negara adalah 62 peratus.

"Dengan pengalaman selama 58 tahun di Malaysia, DLMi berada dalam posisi yang baik untuk menjadi saluran antara Malaysia dan Belanda memudakan urusan pertukaran kemahiran bagi mewujudkan sektor tenusu yang mampan di negara ini," katanya.

Tambah beliau, kerjasama turut membolehkan aktiviti tenaga lembu tenusu lestari, melibatkan petani tenusu tempatan di dalam Program Pembangunan Tenu (DDP) dan Petani ke Petani (F2F) untuk meningkatkan kualiti dan jumlah susu segar di Malaysia.

No SE detected at Linggi farm

PUTRAJAYA: There was no *Salmonella* Enteritidis (SE) bacteria detected at the CEM 014 Linggi Agriculture Farm, says the Department of Veterinary Services (DVS).

The department said this was based on the results of tests carried out on samples of cloaca smears, faecal smears, egg samples, food and water collected from the layer farm for SE detection.

"The *Salmonella* monitoring programme on 276 layer farms nationwide has been enhanced to ensure the supply and safety of marketed eggs," according to the statement issued yesterday.

DVS advised consumers to ensure eggs purchased were clean, free of faecal contamination, stored in a suitable place and cooked properly before consumption.

It said SE contamination could occur at the farm due to poor farming practices in terms of biosecurity and hygiene, as well as along the marketing chain due to the unhygienic handling of eggs.

It was reported recently that the Singapore Food Agency (SFA) ordered several importers to recall eggs from Linggi Agriculture Farm (CEM 014) after detecting the presence of SE in the product. — Bernama



Ronald (dua dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen MoC antara Norlizan (tiga dari kanan) dan Tarang, semalam.

(Foto BERNAMA)

Dutch Lady komited bantu perkukuh industri tenusu

Syarikat tingkat bekalan susu segar tempatan berkualiti

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) komited membantu kerajaan meningkatkan industri tenusu negara, terutama dalam mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) pengeluaran susu segar tempatan menjelang 2025.

Pengarah Urusan DLMI, Tarang Gupta, berkata syarikat tenusu itu akan meningkatkan bekalan susu segar tempatan yang berkualiti di negara ini dengan tahap SSL se-

masa adalah 62 peratus.

"Sebagai pembeli susu segar tempatan terbanyak daripada pusat pengumpulan susu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di Malaysia, DLMI komited untuk membantu penternak tenusu meningkatkan hasil dan kualiti susu termasuk mengembangkan sumber pendapatan vendor kami.

"Malah, peluang untuk bekerjasama dengan DVS, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta Kedutaan Belanda ini dapat membantu penternak yang berpotensi dari kedua-dua negara berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis meterai memorandum kerjasama (MoC) antara DLMI bersama DVS di Petaling Jaya, semalam.

Ia disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Belanda ke Malaysia, Eva Oskam dan Ketua Pengarah DVS, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Sementara itu, Ronald berkata, MoC itu adalah jalinan kerjasama awam swasta yang seharusnya disokong dan diteruskan malah wajar dijadikan model untuk dicontohi pemain industri lain.

"Kejayaan peningkatan pengeluaran susu segar daripada 27 juta liter pada 2010 kepada hampir 42 juta liter pada 2020 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan RMKe-11, dijadikan landasan terbaik untuk kerajaan terus meningkatkan pengeluaran susu segar dalam RMKe-12 iaitu antaranya menerusi pembangu-

nan beberapa lembah tenusu.

"Memorandum kerjasama ini tepat pada masanya dan diharapkan dapat memacu pelaksanaan program yang sudah dirancang kerajaan dan pihak swasta demi kelestarian industri tenusu negara," katanya.

Beliau berkata, perkembangan positif industri tenusu itu bukan sahaja dirasai Mafi, malah dapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bermula Jun 2019.

"Menerusi program ini, produk susu diperbuat daripada 100 peratus susu tempatan dibekalkan kepada pelajar sekolah rendah yang terpilih," katanya.

"Situasi ini secara tak langsung merangsang pembangunan industri tenusu ke fasa kejayaan lebih meyakinkan," katanya.

Bisnes

KOMITED TINGKAT INDUSTRI TENUSU

DLMI sedia bantu kerajaan mencapai 100 peratus tahap sara diri menjelang 2025

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) komited membantu kerajaan meningkatkan industri tenusu negara terutama dalam mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran susu segar tempatan menjelang 2025.

Pengarah Urusan DLMI, Tarang Gupta berkata, pihaknya turut memeterai memorandum kerjasama

(MoC) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai usaha meningkatkan lagi bekalan susu segar tempatan yang berkualiti di negara ini.

Katanya, pada masa ini SSL susu negara adalah pada tahap 62 peratus.

"Sebagai pembeli susu segar tempatan terbanyak daripada pusat pengumpulan susu DVS di Malaysia, DLMI komited untuk membantu penternak tenusu tempatan meningkatkan hasil dan kualiti susu mereka termasuk mengembangkan sumber pendapatan vendor kami.

DR Ronald (tiga dari kanan) bersama Gupta (empat dari kiri).

"Malah, peluang untuk bekerjasama dengan DVS, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta Kedutaan Belanda ini dapat membantu penternak yang berpotensi dari kedua-dua negara berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing," katanya pada sidang media sempena MoC antara DLMI bersama DVS di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Mafi, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Belanda ke Malaysia, Eva Os-

kam dan Ketua Pengarah DVS, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, MoC ini berbentuk jalinan kerjasama berasaskan konsep *public-private partnership* yang seharusnya disokong, diteruskan malah wajar dijadikan model untuk dicontohi pemain industri lain.

"Kejayaan peningkatan pengeluaran susu segar daripada 27 juta liter pada 2010 kepada hampir 42 juta liter pada 2020, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia

Ke-11, dijadikan landasan terbaik untuk kerajaan terus meningkatkan pengeluaran susu segar dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) iaitu antaranya menerusi pembangunan beberapa lembah tenusu.


"Justeru, memorandum kerjasama ini tepat pada masanya dan diharapkan agar dapat memacu pelaksanaan program yang sudah dirancang kerajaan dan pihak swasta demi kelestarian industri tenusu negara.

"Perkembangan positif industri tenusu ini bukan

sahaja dirasai Mafi, malah industri ini turut mendapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bermula Jun 2019.

"Melalui program ini, produk susu yang diperbuat daripada 100 peratus susu tempatan dibekalkan kepada pelajar sekolah rendah yang terpilih.

"Situasi ini secara tidak langsung akan merangsang lagi pembangunan industri tenusu negara ke suatu fasa kejayaan yang lebih meyakinkan," katanya.





Tingkat bekalan susu segar tempatan

DLM, DVS meterai Perjanjian Kerjasama

Oleh MUHAMMAD AMINAN HIBRAHIM

PETALING JAYA

Syarik tenusu terkemuka, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLM), menjalin Perjanjian Kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti pembekalan susu segar negara.

Pengarah Urusan DLM, Tarang Gupta berkata, kolaborasi yang turut disokong oleh kerajaan Belanda itu adalah langkah awal syarikat berkenaan bagi menunjukkan komitmen pelaburannya kepada pertumbuhan dan kestabilan industri tenusu Malaysia.

Menurutnya, kerjasama yang bakal dilaksanakan me-

lalui perkongsian kepakaran dan pengalaman antara Belanda dan Malaysia akan turut melibatkan pembabitan penternak lembu tenusu tempatan.

"Kerjasama ini akan menjadikan Program Pembangunan Tenusu (DDP) DLM dan 'Farmer2 Farmer' (F2F) sebagai platform untuk Malaysia serta Belanda bekerjasama mencapai sasaran bekalan susu segar yang lestari kepada rakyat negara ini.

"Inisiatif ini merangkumi pertukaran dan perkongsian sumber, kemudahan fasiliti, data, pengetahuan serta kemahiran dalam bidang kepakaran dan pengalaman masing-masing untuk memastikan lebih banyak komersial serta strategik yang menjadi kepentingan terbaik peserta terlibat," katanya pada Majlis Penyerahan Memorandum Kerjasama antara DLM dan DVS di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald



Tarang (tiga dari kiri) dan Norizan (tiga dari kanan) menunjukkan Perjanjian Kerjasama antara DLM yang disaksikan Ronald (dua dari kanan), Haslina (kanan) dan Eva (dua dari kiri) pada Jumaat.

Kiandee; Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah DVS, Datuk Dr Norliza Mohd Noor dan Timbalan Ketua Perwakilan Kedua-an Belanda di Malaysia, Eva-Oskam.

Tarang berkata, sebagai syarikat yang telah beroperasi di Malaysia selama 58 tahun, beliau yakin DLM berada di posisi terbaik bagi menjadi

penghubung antara Malaysia dan Belanda dalam memudahkan pertukaran pengetahuan berkaitan industri tenusu.

Menurutnya, Belanda merupakan negara yang memiliki pengalaman lebih satu abad dalam industri berkenaan dan telah mencapai kedudukan kompetitif pada peringkat antarabangsa berdasarkan penilaian standard yang tinggi bagi teknologi serta kualiti.

"Kolaborasi selama tiga

tahun ini adalah perkara yang signifikan bagi Malaysia yang kini Kadar Sara Diri (SSD) susu negara berada pada tahap 62 peratus untuk mencapai sasaran 100 peratus SSD menjelang 2025," kata beliau.

Sementara itu, Norizan berkata, kerjasama terbaharu kerajaan bersama DLM akan memberi peluang kepada penternak Malaysia menerima pendidikan praktis terbaik yang diamalkan di Belanda.